

16 DEC 1999

Exco-baru

JAHARA, TENG DAN LOH ANGKAT SUMPAT EXCO BARU

PULAU PINANG, 16 Dis (Bernama) -- Tiga muka baru masing-masing seorang dari Umno, Gerakan dan MCA merupakan antara 10 anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) yang mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang DiPertua Negeri, Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir, di Seri Mutiara, hari ini.

Mereka ialah Jahara Hamid (Teluk Air Tawar), Dr Teng Hock Nan (Kebun Bunga) dan Dr Loh Hock Hun (Paya Terubong).

Jahara, 48, Exco Belia, Sukan, Penerangan dan Perpaduan Negara ketika ditemui selepas majlis mengangkat sumpah berkata beliau akan meneruskan kerjasama dengan semua barisan Exco kerajaan negeri yang baru bagi memastikan pembangunan di negeri ini berterusan.

Jahara, wanita pertama di kalangan parti Umno yang dilantik memegang jawatan itu, berkata beliau akan memastikan nasib rakyat terutamanya golongan wanita akan terus dibela.

Selain itu, katanya pelbagai program yang melibatkan beliau turut dirangka bagi melengkapkan beliau menghadapi alaf baru dengan mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya terutamanya yang melibatkan bidang teknologi maklumat.

Jahara berkata pelbagai perancangan juga akan dirangka bagi menghadapi tahun 2000 termasuk Sukan Malaysia (Sukma) di Pulau Pinang.

"Memang sebelum ini saya tidak berada di dalam jawatankuasa Sukma tetapi saya dimaklumkan oleh Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon bahawa semua yang terlibat akan membantu saya menjayakan sukan itu," katanya.

Jahara, seorang peguam, turut mengucapkan terima kasih kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta Ketua Umno Bahagian Tasek Gelugor Datuk Seri Mohd Shariff Omar kerana memberi kepercayaan kepadanya menjadi anggota Exco kerajaan negeri.

Bekas Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) Dr Teng Hock Nan, yang kini dilantik memegang portfolio Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Pengurusan Lalu Lintas, berkata portfolio itu mempunyai bidang tugas yang sama dengan jawatannya sebelum ini.

"Jika dahulu, tumpuan saya hanya terletak di bahagian pulau tetapi kini tumpuan akan diberikan kepada keseluruhan negeri ini," katanya yang meletakkan jawatan sebagai Yang Dipertua MPPP pagi tadi.

Adun Paya Terubong, Dr Loh Hock Hun, yang memegang portfolio Jawatankuasa Perdagangan, Perniagaan dan Hal Ehwal Pengguna berkata beliau akan merujuk banyak perkara mengenai jawatankuasa itu kepada bekas exco itu, Datuk Dr Sak Cheng Lum.

Dr Loh menggantikan Dr Sak, pengerusi MCA negeri, yang tidak mahu disenaraikan dalam barisan Exco kali ini.

-- BERNAMA

SA/NER NAK